

1. TEKS UCAPAN

Y.BHG. PROF. DR. ASMADI MOHAMED NAIM
NAIB CANSOLOR UniSHAMS
PROGRAM SANTAI BULANAN 6 RIBU LANGKAH BERSAMA WARGA KERJA
UNISHAMS
17 OGOS 2021 (SELASA)

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Selamat Pagi dan Salam Sejahtera.

YBrs. Prof Madya Dr. Wan Najzmi Mohamed Fisol, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa),

YBrs. Dr. Rohani binti Desa, Timbalan Naib Canselor (Pelajar dan Alumni),

YBrs. Tuan Haji Zaini bin Ramli, Timbalan Naib Canselor (Kelestarian Institusi dan Jaringan Industri),

YBrs. Tuan Haji Mohd Fahmi bin Sheikh Omar, Pendaftar,

YBrs. Puan Molya binti Mohd Anuar, Bendahari,

Ketua-Ketua, Dekan-Dekan, Pengarah-Pengarah, Kulliyah, Pusat, Jabatan dan hadirin dan hadirat sekalian.

PENDAHULUAN

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak terutama Pejabat Pendaftar dan Unit Sukan yang telah mengadakan Program Santai Bulanan: 6 Ribu Langkah Bersama Warga Kerja Unishams pada hari ini.

Saya berasa amat berbesar hati dan bangga kerana telah berjaya mendapatkan lebih 6 ribu langkah pada hari ini bersama-sama dengan warga kerja UniSHAMS baik pegawai di peringkat pentadbiran mahupun akademik. TAHNIAH

Seperti yang sama-sama kita ketahui Malaysia telah memasuki Fasa 'Peralihan Ke Endemik' semenjak 1 April 2022 yang lalu. Fasa Peralihan Ke Endemik ini

merupakan *exit strategy* untuk membolehkan kita semua kembali semula kepada kehidupan yang hampir normal selepas hampir dua tahun berperang dengan COVID-19.

Walau bagaimanapun, kita tak seharusnya lalai malah warga UniSHAMS harus lebih peka dan cakna dengan langkah-langkah pencegahan yang boleh dilakukan sendiri dengan mengamalkan pendekatan 3W iaitu *wash, wear, warn* dan mengelakkan 3S iaitu tempat sesak, sempit dan sembang dekat.

Jadikan 3W, 3S ini sebagai norma baharu dalam kehidupan seharian.

Tuan-tuan / Puan-Puan

Selain dari COVID-19, kita acapkali tersentak oleh pelbagai masalah kesihatan dan penyakit berjangkit yang semakin meningkat dalam kalangan masyarakat domestic dan antarabangsa. Permasalahan ini boleh dikurangkan dengan mengamalkan dua perkara asas iaitu menjaga kesihatan dan kebersihan diri.

Amalan ini mungkin dipandang remeh oleh sesetengah orang tetapi ia merupakan kunci utama dalam memastikan kelangsungan hidup seseorang pada ketika ini. Kerana itu juga lah kita digalakkan untuk bersenam, bersukan, sentiasa membasuh tangan dan menjaga kebersihan diri.

“Badan sihat otak cerdas”

Hadirin sekalian,

Dengan kejayaan tuan-tuan dan puan-puan menamatkan program 6 ribu langkah ini, terbuktilah tuan-tuan dan puan-puan memiliki fizikal yang sihat dan kuat mentalnya.

Aktiviti berjalan, senamrobik ini dapat menjadikan sistem kardiovaskular seseorang individu itu bertambah kuat secara tidak langsung dapat menghindar daripada serangan penyakit merbahaya seperti serangan jantung, tekanan darah tinggi dan lain-lain lagi.

"Al-'aqlus salim fil jismis salim
(akal yang sejahtera datang dari badan yang sihat)"

Badan yang sihat pastinya akan melahirkan minda yang cerdas.

Sebagai warga kerja yang memberikan perkhidmatan, kesihatan fizikal dan mental amat memainkan peranan yang penting. Ini kerana, apabila sihat tubuh badannya, sudah pasti mindanya juga akan turut cerdas.

Pegawai UniSHAMS yang sihat dapat meningkatkan produktiviti kerja dan bersungguh-sungguh dalam melaksanakan setiap tugas dan tidak akan mengamalkan sikap suka menanggungkan kerja.

Budaya kerja yang tidak suka menanggungkan kerja ini dapat memastikan UniSHAMS terus kekal menjadi sebuah organisasi yang relevan dan sentiasa bergerak bersama ke hadapan.

Kerenah "red tape" dalam penyampaian perkhidmatan juga dapat dikurangkan. Pegawai juga akan mencuba sedaya upaya sebagai pemudah cara dalam menyelesaikan masalah berbangkit.

Ini kerana, tugas yang telah diamanahkan perlulah dilaksanakan secara bersungguh-sungguh seperti yang telah diamanatkan oleh **YB Dato' Paduka Ammar bin Dato' Shaikh Mahmood Naim**, Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman merangkap Ahli Lembaga Pengarah Syarikat dan Ahli Lembaga Pengelola Universiti dalam ucapnama beliau dalam "**Leadership Talk**" sewaktu Perhimpunan Tahunan UniSHAMS baru-baru ini.

Hadirin sekalian,

Pada 21 Julai 2022 yang lalu, seramai 50 kakitangan Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS) yang terdiri daripada ahli Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif (JPE), Ketua Pentadbiran Kulliyah, Pusat & Bahagian (KPB), Pegawai Kumpulan P & P (Bukan Akademik) serta Bahagian Teknikal telah terpilih untuk menerima komputer riba bagi fasa 1/2022.

Penyerahan komputer riba dengan spesifikasi terkini adalah untuk kegunaan operasi harian dan diharapkan mampu untuk memberikan kemudahan serta fleksibiliti kepada kakitangan UniSHAMS, dalam usaha memastikan tahap produktiviti dan kualiti perkhidmatan dapat dipertingkatkan secara berterusan.

“Great Leadership Comes Great Responsibility”

Justeru, dengan fasiliti yang telah diberikan, jalankanlah amanah yang dipertanggungjawabkan dengan penuh dedikasi dan berintegriti, selaras dengan frasa ‘Saya yang menjalankan amanah’.

Kerana setiap arahan, tugas dan tanggungjawab yang diberikan perlu digalas dan dijalankan dengan sebaik mungkin dalam memperolehi keberkatan hidup, di dunia dan akhirat.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Secara keseluruhannya, kesihatan mempengaruhi segala aktiviti harian (pekerjaan) dan juga gaya hidup seseorang individu. Kesihatan yang merangkumi fizikal dan mental adalah sangat berhubungkait dan memainkan peranan yang saling bergantung.

Semoga program seperti ini dipergiatkan lagi kerana selain memberi manfaat pada fizikal dan emosi, hubungan sesama pegawai dapat di tautkan dan di eratkan kembali.

Semoga momentum kejayaan dan kecemerlangan ini dapat dikekalkan pada masa akan datang.

Sebelum mengakhiri ucapan saya pada hari ini, tahniah dan syabas sekali lagi kepada semua pegawai yang menyertai program Santai Bulanan 6 Ribu Langkah bersama warga UniSHAMS ini.

Sekian, terima kasih.